

BPN ringankan beban rakyat

Langkah percepat pembayaran tumpang perbelanjaan penerima

Oleh Fahmy A Rosli dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kalangan penerima Bantuan Prihatin Nasional Fasa Kedua (BPN 2.0) bersyukur dengan bantuan disalurkan kerajaan, terutama ketika dalam tempoh sukar sekarang susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menjelaskan punca pendapatan mereka.

Sekjak 21 Januari lalu bayaran dana berjumlah RM2.38 billion sudah dikreditkan ke akaun 10.2 juta penerima sedia ada, yang mana suntikan dana berkenaan akan membantu memberi kelebihan kewangan golongan terjejas. Mulai 25 Januari lalu pula, kira-kira 750,000 penerima tanpa akaun bank mula menerima BPN 2.0 dari cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung.

Langkah kerajaan mempercepatkan pembayaran BPN 2.0 itu sudah tentu membantu memperbaiki aliran tunai keseluruhan 11.06 juta penerima daripada kalangan bujang dan berkeluarga B40 dan M40.

Gerak kerja mempercepatkan bayaran bantuan ini sejajar malam Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bernilai RM15 bilion diumum 18 Januari lalu.

Penerima BPN 2.0 fasa dua, Lau Kui Yong, 38, sangat berterima kasih atas keprihatinan kerajaan terhadap golongan terjejas sepe-



tinya. Ibu kepada dua anak itu menggunakan bantuan BPN 2.0 bagi menampung keperluan harian terutama barangan dapur selain susu tepung anak berikut pendapatan keluarganya terjejas selepas PKP berkuat kuasa.

"Pendapatan suami yang bekerja di kilang besi terjejas teruk terutama ketika PKP pada tahun lalu. Walaupun suami tak kena pecat, gaji bulanan ditukar menjadi kiraan harian. Maksudnya, suami akan dibayar gaji bila ker-



Terima kasih atas keperihatinan kerajaan. Dengan bantuan BPN 2.0 ini dapat menampung keperluan harian terutama barang dapur selain susu anak berikut pendapatan keluarga terjejas selepas PKP berkuat kuasa.

Lau Kui Yong,
Guru



Terima kasih kepada kerajaan kerana tidak mengambil masa lama membayar BPN 2.0. Bantuan diberikan itu menandakan kerajaan sentiasa cakna kesusahan rakyat. BPN jadi wang saku, beli keperluan harian serta modal untuk cari kerja baharu selepas diberhentikan dari sebuah hotel.

Farah Nasuha Ahmad,
Bekas pekerja hotel

ja. Kalau tak kerja tak ada gaji," katanya.

Bagi Suzana Safie, 38, ibu kepada lima anak mengakui pelaksanaan PKP memberi kesan kepada pendapatan keluarga kerana suami hanya dibayar gaji sebagai juruteknik apabila dipanggil bekerja. Justeru, Suzana sangat bersyukur bantuan BPN dapat menampung gajinya sebagai pembandu tadbir untuk menyediakan belanja persekolahan tiga anaknya.

"Selain membantu keperluan harian dan sekolah, BPN yang diterima juga saya guna untuk membeli telefon terpakai bagi persediaan pdPR (pengajaran dan pembelajaran di rumah) agar anak tidak ketinggalan."

"Apa pun, kami sekeluarga sangat bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan yang sangat prihatin kepada rakyat di saat golongan seperti kami memerlukan bantuan dan sumbangan bagi menampung keperluan harian," katanya.

Mohamad Faiz Zakaria, 30, pula berkata, beliau bersyukur dengan BPN diterima yang digunakan untuk menjelaskan bayaran bil dan sewa rumah tertunggak.

Dia yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak kecil, wang BPN pertama diterima menggunakan untuk membayar bil elektrik dan air tertunggak kerana tiada pendapatan.

"Sangat terjejas sebab kebanyakannya bil saya yang bayar. Dengan pendapatan yang tak seberapa, ia juga diguna untuk membeli keperluan bayi dan membayar sewa rumah. Isteri hanya bekerja sebagai kerani."

"Alhamdulillah, dengan BPN yang saya terima dapat saya gunakan untuk jelaskan bayaran tertunggak," katanya.

Sementara itu di Kuala Terengganu, seorang graduan diploma multimedia yang hilang pekerjaan, menggunakan wang BPN

| BANTUAN PRIHATIN NASIONAL 1.0 | | BANTUAN PRIHATIN NASIONAL 2.0 | |
|---|--|---|--|
| Bermula | Tarikh Disalurkan | Bermula | Tarikh Disalurkan |
| 6 April 2020 | 10.6 juta penerima | 21 Januari 2021 (fasa kedua) | 10.6 juta penerima |
| RM11.2 billion | ISI RUMAH B40 | RM2.38 billion | ISI RUMAH M40 |
| Bayaran April - RM1,000 Mei - RM600 | isi rumah berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah | Bayaran Akhir Okt 2020 - RM700 Akhir Jan 2021 - RM300 | isi rumah berpendapatan bulanan RM4,001 hingga RM8,000 |
| RM1,600 | BUJANG B40 | RM600 | BUJANG M40 |
| Bayaran April - RM500 Mei - RM500 | Bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah | Bayaran Akhir Okt 2020 - RM350 Akhir Jan 2021 - RM150 | Bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,001 hingga RM4,000 |
| RM1,000 | RM800 | RM500 | RM300 |
| Bayaran April - RM500 Mei - RM300 | Bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah | Bayaran April - RM250 Mei - RM250 | Bayaran Akhir Okt 2020 - RM200 Akhir Jan 2021 - RM100 |
| RM800 | BUJANG B40 | RM500 | BUJANG M40 |
| Bayaran April - RM300 | Bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,001 hingga RM4,000 | Bayaran April - RM250 | Bayaran Akhir Okt 2020 - RM200 Akhir Jan 2021 - RM100 |
| RM500 | BUJANG M40 | RM300 | BUJANG B40 |
| Bayaran April - RM250 Mei - RM250 | Bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,001 hingga RM4,000 | Bayaran Akhir Okt 2020 - RM200 Akhir Jan 2021 - RM100 | Bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah |

2.0 sebagai modal tambahan dalam perniagaan menjual lempeng kelapa secara dalam talian.

Angah Safaruddin, 31, dari Kampung Masjid Haji Kadir di sini berkata, walaupun hanya menerima bantuan berjumlah RM350 bagi kategori bujang B40 pusingan pertama, bantuan itu amat bermakna dalam usahanya

menemuhi tempahan pembeli.

"Permintaan lempeng kelapa dan buih goreng dalam talian meningkat selepas kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), berikutnya nalar COVID-19."

"Saya berterima kasih atas keprihatinan kerajaan memperkenalkan BPN untuk membantu rakyat yang terkesan berikutnya pelaksanaan PKP," katanya ketika ditemui di kediamannya.

Angah yang terpaksa berhenti

kerja selepas majikan terpaksa mengurangkan pekerja susulan pelaksanaan PKP pada Mac tahun lalu, mengambil keputusan berniaga menjual lempeng kelapa dan buih goreng.

Sementara itu, pekerja kedai kasut, Wan Iskandar Wan Mamad, 41, dari FELDA Tengkawan, Kuala Berang berkata, beliau akan menggunakan sepenuhnya wang itu untuk membeli barang keperluan harian.

Katanya, bantuan BPN sebanyak RM1,000 itu sangat bermakna buatnya bagi meneruskan kelangsungan hidup, selepas diarahkan bekerja secara bergilir dua minggu sebelum berikutnya pelaksanaan PKP.

"Bantuan ini sekurang-kurangnya meringankan beban untuk membeli barang dapur," katanya.



Bersyukur sangat dapat BPN 2.0. Saya simpan sikit sebagai simpanan kecemasan perbelanjaan anak kecil saya manakala bakinya untuk beli keperluan harian. Bantuan ini menunjukkan kerajaan ambil tahu kesusahan rakyat pendapatan rendah.

Mohd Ridzuan Razali,
Penjawat awam



Mujurlah bantuan BPN 2.0 fasa kedua masuk cepat. Pendapatan saya sebagai guru muzik terjejas. Ibu bapa tak hantar anak belajar ketika PKP. Dengan BPN ini dapatkan menampung keperluan saya membeli perbelanjaan dapur dan membayar bil utiliti.

Amirul Aiman Zainudin,
Guru muzik